



PERANAN ICT DALAM PENYEBARAN DAKWAH DALAM ERA GLOBALISASI

PM DR SYED MUHAMMAD DAWILAH AL IDRUS

UST MOHD LUTFI SOLEHAN

SEMINAR KEBANGSAAN DAKWAH

ISLAMIAH DI IPT DAN KOMUNITI

2-3 DISEMBER 2009

DEWAN TUNKU IBRAHIM ISMAIL

UTHM

PERANAN ICT DALAM PENYEBARAN DAKWAH DALAM ERA GLOBALISASI

Prof. Madya Dr Syed Muhammad Dawilah al-Edrus
Pengarah Pusat Islam,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Ustaz Mohd. Lutfi Solehan
Penolong Pendaftar, Fakulti Pengurusan Teknologi,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Abstrak

Dakwah merupakan satu amanah Ilahi yang bersifat mulia atau sakral. Pekerjaannya diwariskan oleh Allah kepada para anbiya' dan awlia' dari satu generasi ke generasi. Dakwah dan hikmah merupakan dua kalimat sinonim yang sarat dinukilkan di dalam al-Quran yang dikaitkan dengan kualiti ulu al-bab para pendakwah. Sebagai contohnya gerak kerja para Nabi dan Rasul sebagai da'i di dalam menyampaikan syariat Allah kepada ummatnya. Mereka dibekalkan dengan ilmu dakwah yang mantap dan cekap yang mencernakan kualiti unggul ulu al-bab. Dalam konteks pemikiran semasa (fikrah al-mu'asirah) yang bertanggungjawab melakukan dakwah adalah tugas ummat Islam yang tiada sebarang pengecualian. Semua sumber daya usaha ummat mesti digembeling ke arah memperkasakan iltizam dan meningkatkan tindakan kerja-kerja dakwah. Justeru penggunaan ICT sesuatu yang relevan dan penting digunakan bagi mempertingkatkan keberkesanan penyebaran dakwah kepada khalayak yang lebih ramai. Inilah satu daripada kaedah dakwah dalam menghadapi cabaran dan gugatan kerakusan serangan globalisasi kini. Kertas ini cuba mengupas persoalan ini dan cuba memberikan cadangan penyelesaian yang munasabah.

A. PENDAHULUAN

DEFINISI DAKWAH

Darisegi bahasa

Darisegi bahasa “ dakwah” adalah ambilan daripada perkataan arab dan merupakan masdar (kata benda) dari kata kerja da'a yad'u yang berarti panggilan, seruan atau ajakan.¹

Menurut *Ensiklopedia Islam* pula merumuskan bahawa dakwah memiliki pangertian yang sangat popular sebagai ajakan kepada Islam.²

¹ <http://id.wikipedia.org/wiki/Dakwah>

Dalam *Kamus Dewan* ada diberi penjelasan bagi perkataan dakwah tersebut :

1. Kegiatan menyeru dan membimbing (mendidik) serta meyakinkan secara baik dalam usaha mempengaruhi orang lain supaya menyedari dan mengamalkan ajaran agama Islam.

2. Patuh kepada ajaran agama islam dengan lebih sempurna. (sebagaimana yang kelihatan pada tingkah laku dan pergaulan dan cara berpakaian moden sekarang ini sudah berdakwah)³

Perkataan diterima dalam bahasa Melayu telah berkembang sejajar dengan tatabahasa yang membawa berbagai-bagai makna sebagaimana dapat dilihat dalam dilihat dalam kamus dewan ialah:

Berdakwah: Menjalankan kegiatan menyebarkan agama (islam) dan ajaran-ajarannya.

Mendakwahkan :

Menyebarkan dan mengajarkan ajaran agama.(Lazimnya dimaksudkan ajaran agama islam:rasulullah mendakwahkan islam sebagai al-din yang menjamin tamadaun manusia)

Pendakwah :

Orang (golongan) yang berdakwah.

DARI SEGI ISTILAH

Rangkaian perkataan “dakwah islamiyyah” sebagai satu istilah khusus yang penting dalam penyebaran, pengembangan dan pemahaman Islam sebagai al-din yang diamalkan dan diterima pakai .

² *Ensiklopedia Islam Indonesia*(1992:207)

³ *Kamus Dewan* (t.th:244-245)

Dakwah ialah panggilan kepada Allah atau pun seruan kepada agama islam. Oleh itu , agama dianggap sebagai risalah.⁴ Ia juga membawa pengertian bahawa islam adalah termasuk agama yang mengajak manusia untuk menganut prinsip yang diseru olehnya.

Al-dakwah juga boleh ditakrifkan sebagai seruan kepada Allah mempercayai sebagai tuhan yang esa dan tiada sekutu bagiNya, beriman dengan malaikat , kitab, para rasul, hari akhirat dan qada' dan qadar. Mengalih kepada pemikiran manusia kepada akidah yang memberikan mereka manfaat atau menyelamatkan mereka dari kesesatan atau kecelakaan yang boleh memusnahkan mereka.⁵

Dakwah juga bermaksud sebagai seruan yang ditujukan kepada manusia oleh tuhan dan rasul untuk mempercayai agama yang benar iaitu Islam. Perkara inilah yang diseru oleh para rasul dan setiap rasul mempunyai dakwahnya. Dakwah merangkumi risalah dan ajaran islam yang mencakupi segala akidah, ibadah, akhlak, muamalah sarta syariah.

Dakwah juga mengandungi semua jenis metod mengajak manusia kepada risalah islam dan semua cara menyampaikan ajaran Allah dan Rasul dalam pelbagai peringkatnya. Jelasnya pengertian dakwah hendaklah mengandungi dua perkara iaitu usaha dan pengajaran yang disampaikan oleh agama islam. Islam akan menjadi dakwah yang benar, jika ia dibawa oleh pendakwah yang faham dan berakhlak.⁶

Dakwah mengikut *Kamus Dewan Edisi ketiga* ialah kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.

Menurut *Ensiklopedia Islam* dakwah membawa maksud setiap kegiatan yang bersifat menyeru, mengajak dan memanggil orang untuk beriman dan taat kepada Allah s.w.t sesuai dengan garis akidah, syariat dan akhlak Islamiah.. Kata dakwah sering

4 (Menyeru manusia kepada agama Allah: Abdul Karim Zaidan, 1976:5)

5 (Abu al-Mun'im, Muhammad hasanayn 1984:18)

6 (Ensiklopedi of modern Islamic 1995)

dirangkaikan dengan kata “ilmu” dan kata “Islam”, sehingga menjadi “ilmu dakwah” dan “dakwah Islam” atau al-da’wah al-Islamiyah.⁷

Manakala menurut *Ensiklopedia Malaysiana* dakwah bererti menyeru. Dalam konteks agama dakwah ialah menyeru ke jalan Allah. Perkataan dakwah juga bermaksud masyarakat Islam. Pada zaman Fatimiyyah, dakwah bererti doktrin, agama, masyarakat, mazhab dan parti kepada imam.⁸

Dakwah juga boleh dimaksudkan dengan mengajak manusia kepada pengabdian diri kepada Allah s.w.t, ia adalah suatu tugas yang mulia dan ia juga merupakan tugas para nabi dan rasul apabila diutuskan menjadi rasul.⁹

Menurut Abu ‘Urwah, pengertian dakwah dari segi bahasa membawa maksud menyeru atau memanggil, sama ada kepada perkara yang haq atau batil. Selain itu, seruan kepada Allah s.w.t..¹⁰

Allah s.w.t berfirman: Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha Suci Allah (dari segala i’tiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain”.¹¹

Dari segi istilah syara’ pula membawa pengertian yang lebih khusus iaitu seruan atau panggilan ke jalan Allah s.w.t.¹²

7 *Ensiklopedia Islam*. 1994. Cet. 3. J.1. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve. Hlm: 280.

8 *Ensiklopedia Malaysiana*. 1996. J.4. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd. Hlm: 24

9 Idris Ahmad. 2005. *Teks Usrah Peringkat Pengenalan*. Cet. 3. Kuala Lumpur: Percetakan Sauqi. Hlm: 30

10 Abu ‘Urwah. 1999. *Konsep-konsep Umum Islam* Kuala Lumpur: Pustaka Salam. Hlm: 124.

11 Surah Yusuf (13): 108

12 *Ibid*. Hlm: 124.

Muhammad al-Ghazali menjelaskan maksud dakwah sebagai satu program (barnamij) yang lengkap, yang kesemua peringkatnya mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka.¹³

Menurut Ibn Taimiyyah dakwah adalah satu usaha seruan ke arah beriman kepada Allah s.w.t dan apa yang disampaikan oleh rasul-rasul-Nya iaitu dengan membenarkan segala perkara yang disampaikan oleh para rasul dan mentaati perintah mereka. Antara tugas dakwah adalah menyuruh (al-amru) melaksanakan apa yang disukai Allah dan rasul-Nya akan perkara yang wajib dan sunat, zahir dan batin. Tugas dakwah juga terdiri daripada menegah (an-nahyu) segala larangan Allah dan rasul-Nya sama ada zahir atau batin. Tidak sempurna dakwah kiranya tidak ke arah melaksanakan apa yang dikehendaki Allah dan meninggalkan apa yang tidak disukai-Nya, sama ada dari perkataan atau perbuatan zahir.¹⁴

Berdasarkan pengertian tersebut, dakwah merupakan satu kegiatan yang dijalankan oleh segolongan manusia untuk menjalankan menyeru manusia kepada mentaati Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w. Di samping itu menegah manusia yang melakukan kemungkaran agar kembali ke jalan yang benar.

Jika kita lihat, Nabi Muhammad S.A.W setelah diangkat menjadi rasul Allah S.W.T , Nabi S.A.W melakukan dakwah islam sama ada secara lisan, tulisan mahupun perbuatan. Pada awalnya Nabi Muhammad memulakan dakwahnya kepada isteri, keluarga dan para sahabatnya. Dakwah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad pada mulanya dilakukan secara sembunyi-sembunyi. Kemudian selepas pengikut baginda bertambah ramai, barulah baginda melakukan dakwah secara terang-terangan bermula dari peristiwa yang berlaku di Bukit Safa.

¹³ Muhammad al-Ghazali. 1981. *Ma'a Allah. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Hlm: 17.*

¹⁴ Abu 'Urwah. *Op.Cit. Hlm: 124*

Setelah Nabi Muhammad S.A.W wafat dakwah islam dilanjutkan oleh para sahabat . Pada zaman sahabat dan selepas sahabat penyebaran dakwah semakin meluas dan berkembang seluruh pelusuk dunia.

KEPENTINGAN DAN HUKUM BERDAKWAH

Secara ringkasnya hukum berdakwah terbahagi kepada dua, iaitu fardu Ain dan fardu Kifayah. Walau bagaimanapun pendapat kebanyakan ulamak menyatakan hukum berdakwah adalah wajib hukumnya bagi setiap individu. Dalam erti kata lain, ianya merupakan sesuatu yang tidak dapat ditinggal dan dikecualikan. Al-Quran dan Al-hadis, ada mengungkapkan tentang kewajipan tersebut, antaranya :-

Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 104 yang bermaksud, “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan Amat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada makruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang beruntung”.

Sabda nabi SAW, “Barangsiapa diantara kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubah dengan tangannya, apabila tidak kuasa maka dengan lidahnya, apabila tidak kuasa dengan hatinya, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman”. Hadith riwayat Muslim.

Sabda nabi SAW, “Sampaikanlah dari ku walaupun dengan satu ayat”. Hadith riwayat Al Bukhari

PERKARA YANG PERLU ADA DALAM BERDAKWAH (Rukun Dakwah):

1. Maudhu' al – Da'wah / Topik utama dakwah.

Maudhu' ad-dakwah adalah ad-din atau al-Islam 'aqidahnya, 'ibadahnya, akhlaqnya, dan

segala yang merangkumi usulnya. Furu'nya dan lain-lainnya.

2. Al – Qaim bi al – Da'wah (Al – Da'ie) / Para Pendakwah

Dari segi profesion dakwah yang sebenar, Allah SWT mengkhususkan dengan menyarankan di dalam Surah Ali 'Imran ayat 104 yang bermaksud: “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar. Mereka itulah orang-orang yang memperoleh kejayaan”.

Istilah “Pendakwah” sudah difahami oleh masyarakat hari ini. Sebagai seorang islam yang memiliki profession khusus dalam arena dakwah. Para ilmuwan menyebutkan orang itu sebagai:

Pendakwah hendaklah menguasai ilmu-ilmu asas yang dikenali sebagai fardhu 'ain agar terhindar dari celaan masyarakat apabila mengetahui dan mendapati bahawa pendakwah yang dihadapannya itu belum bersedia dengan ilmu asas yang dengannya akan mengurangkan penerimaan mereka kepada apa jua yang didakwahkan itu.

Fathi Yakan didalam kitabnya “Musykilat al-Da'wah wa al-Da'iyah” halaman 78 telah memperturunkan kata-kata al-Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali:

Maksudnya: “Belajarlah kamu sebelum kamu menjadi pemerintah nanti kelak kesibukkan tugas kamu memerintah menghalang kamu dari menuntut ilmu”.

3. Al-Orang yang menerima dakwah/Penerima dakwah.

Penerima dakwah adalah manusia seluruhnya sama ada Muslim atau kafir. Adakalanya penerima dakwah itu ramai dan pelbagai peringkat pula. Maka para Pendakwah perlu menyedari tabiat mereka yang bukan semuanya akan menerima dakwah dan bukan pula semuanya menolak dakwah. Ikutilah kebenaran Rasulullah SAW dalam hal yang disebut

itu dengan sabdanya:

Maksudnya: Bandingan dibangkitkan daku membawa petunjuk dan ilmu, sama dengan bandingan hujan lebat yang diturunkan ke atas permukaan bumi. Ada bumi yang tanaman subur, menerima air lalu menumbuhkan rumput dan dan pokok yang banyak. Ada pula yang kering tetapi boleh menahan air untuk memberi manfaat kepada manusia untuk minum, mandi dan menyiram pokok. Ada lagi bumi kering kontang berlokap yang tidak mahu menyimpan air dan pokok pula tidak mahu tumbuh. Demikian itu pula bandingan orang yang memahami agamanya lalu mengajar orang ramai sehingga ada mendapat manfaat daripada ilmu dan ada pula yang tidak mahu menerima hidayah Allah s.w.t. dari ilmu yang disampaikan kepada mereka”.

Hadith di atas memberi isyarat yang amat berguna kepada pendakwah agar memahami psikologi golongan yang didakwahkan itu.

4. Uslub Al-Da’wah/ Pendekatan dalam berdakwah.

Ini merupakan perkara utama dalam sistem penyampaian dakwah kepada orang yang menerima dakwah.

Uslub al - da’wah mestilah diasaskan di atas manhaj Rabbani. Itulah asas yang tidak dapat tidak dikembalikan kepada-Nya. Panduan utama kita adalah al – Qur’an, sebagai sumber paling berautoriti diikuti Sabda Rasulullah SAW dan ijmak ulama dan qias..

Panduan utama yang perlu dirujuk oleh setiap Muslim. Di dalamnya, Allah SWT menggariskan uslub dakwah dengan jelas dan terang:

“Scrulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui

akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk”
[Surah al – Nahl: 125]

DEFINISI TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)

DEFINISI ICT

ICT atau dikenali dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi merangkumi aspek teknologi maklumat dan komunikasi. Teknologi maklumat ditakrifkan sebagai teknologi yang digunakan oleh individu mengumpul data dan menganalisis data menjadi maklumat berguna dan bermakna serta menghasilkan maklumat dalam pelbagai bentuk seperti teks, grafik, suara, animasi dan maya. Data dan maklumat sentiasa diperlukan untuk tujuan tertentu seperti bagi tujuan peningkatan ilmu/pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan kemampuan. Teknologi komunikasi membolehkan individu atau kelompok individu bertukar data dan maklumat dalam ruang waktu dan tempat yang tidak terbatas, dengan cepat dan dalam masa yang sama ('synchronous') melalui rangkaian setempat atau global.¹⁵

Teknologi Maklumat (information Technology) atau IT dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (information and Communication Technology) atau ICT merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data. Ruang lingkup tajuknya sangat luas meliputi segala aspek dalam pengurusan dan pemprosesan maklumat.¹⁶

Teknologi Maklumat boleh disimpulkan sebagai satu proses pengaliran, penyebaran, pemprosesan dan penyimpanan maklumat menggunakan perantaraan teknologi. Seperti yang diketahui umum, teknologi disifatkan sebagai satu bentuk pemudah cara yang membolehkan pengaliran maklumat menjadi sangat pantas. Sebenarnya teknologi maklumat tidak terhad kepada internet dan komputer sahaja tetapi ia melibatkan

¹⁵ <http://mtcp.mmu.edu.my/mtcpcollect/WPDDW/vivi/ICT%20SYLLABUS/ictsyll.htm>

¹⁶ Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas.

tetelvisyen, tetefon, tetefon mudah alih, fax, telegram, PDA dan sistem satelit dalam menyampaikan maklumat kepada penerima.

Terdapat tiga asas penting dalam penggunaan teknologimaklumat, iaitu:-

Pertama: Teknologi maklumat adlaah untuk mengumpul maklumat. Ia digunakan untuk suntingan dengan menggunakan teknologi. Contohnya dengan menggunakan komputer ia boleh merekod bunyi, imej dan sebagai pengesan gerakan.

Kedua: Teknologi Maklumat untuk memanipulasikan maklumat dan proses semula imej.

Ketiga: Teknologi Maklumat digunakan untuk berkomunikasi iaitu ia menjelaskan bagaimana teknologi maklumat digunakan untuk berkomunikasi bagi mendapatkan maklumat daripada sumber kepada penerima.¹⁷

B. KEBERKESANAN PENGGUNAAN ICT DALAM DAKWAH

PERBANDINGAN DAKWAH MENERUSI ICT DAN BUKAN ICT

Kalau dilihat perkembangan dakwah Islam dari dahulu sehingga kini, ternyata bahawa para pendakwah khususnya dan umat Islam umumnya tidaklah menggggunakan sesuatu media tertentu, dan tidak pula menghadkan kepada hanya sesuatu media tertentu saja yang boleh digunakan dalam menyampaikan dakwah Islamiah di seluruh dunia ini.

Di Malaysia sejak dari dahulu lagi dakwah Islamiah telah disampaikan melalui lisan dan tulisan yang disebarkan kepada individu dan kumpulan, secara bersemuka atau menerusi penyebaran bahan-bahan tulisan dan sebagainya, malah selari dengan perkembangan zaman yang dilaluinya, dakwah Islamiah turut disebarkan menerusi filem, video, kaset

¹⁷ www.in4ict.com

dan sebagainya. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam aktiviti dakwahnya telah menggunakan teknologi terkini termasuklah penggunaan internet.¹⁸

Oleh yang demikian, Dalam perkembangan di alaf baru kini, teknologi maklumat (ICT) telah menjadi medium terpenting dalam komunikasi. Dilihat kepada perkembangan Internet umpamanya, perbezaan nisbah kuantiti laman web dan blog agama selain Islam, telah mengatasi bilangan web dan blog Islam itu sendiri. Justeru itu, telah menjadi tanggungjawab para Pendakwah, untuk membina lebih banyak laman web dan blog, seperti yang dilakukan oleh Dr. Yusuf al-Qardawi (<http://www.Qardawi.com>), Hasrizal Jamil (<http://www.saifulislam.com>), dan lain-lain lagi.¹⁹

Laman web dan blog seumpama itu, sudah tentu mampu menyampaikan dan mengisikan ruang-ruang maklumat mengenai Islam. Para Pendakwah mestilah melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kemahiran komputeran. Lebih-lebih lagi, kemahiran tersebut akan dapat dipertingkatkan untuk menghalang dan menjawab segala fitnah, tohmahan dan tuduhan penghinaan kepada agama Islam.

Jika diteliti, penggunaan media elektronik terutama radio dan televisyen sebagai media dakwah telah dipelopori dan dilaksanakan oleh kerajaan sendiri. Program-program yang disiarkan telah mendapat sambutan dan penerimaan yang hangat menyeluruh dari kalangan penontonnya.

Kini tamadun manusia terus membawa dan memperkenalkan kemajuan media yang lebih canggih dan diterima umum dan sekarang mereka berada dalam era yang dikenali sebagai era multimedia. Malaysia sendiri telah menerima kehadiran teknologi ini dan telah memperuntukkan sejumlah wang yang banyak untuk menjayakannya. Penguwujudan Koridor Raya Multimedia adalah bukti nyata penerimaan tersebut.

¹⁸ *Berdakwah dalam era multimedia: Seminar Islam dan Multimedia Oleh : Datuk Hj. Mohamad Shahir bin Hj. Abdullah*

¹⁹ *Ustuh dakwah temporeri : persediaan alaf baru Oleh : Haji Hazarudin bin Haji Baharudin*

Melihat kepada sejarah lalu dan penerimaan umat Islam dalam menggunakan berbagai media yang wujud di sepanjang zamannya, maka penerimaan multimedia sebagai alat berdakwah pada masa ini bukanlah suatu yang salah dan ditegah, malah adalah wajib selagi penggunaannya selari dengan ajaran Islam yang mulia.

Jadi, yang pentingnya ialah kesedaran umat Islam bahawa Islam tidak menghadkan kepada umatnya untuk menggunakan apa jua media yang boleh memberi kejayaan dalam usaha berdakwah di kalangan umat manusia seluruhnya.

Kemahiran menggunakan ICT didalam penyampaian mesej dakwah akan memberikan impak yang cukup besar kepada orang yang menerima dakwah. Lantaran itu, penggunaan seperti komputer riba, LCD, Audio dan pelbagai program komputer seperti power point dan sebagainya juga merupakan wasilah kearah uslub dakwah yang berkesan.

Pakar-pakar psikologi pendidikan berpendapat bahawa, pendengaran hanya memberikan 70% sahaja kepada hasil penerimaan pengajaran. Berbanding mereka yang menggunakan pendengaran dan penglihatan akan menghasilkan 100% penghasilannya. Di samping itu, penglihatan melalui pendekatan tayangan LCD akan dapat merangsang mata dari mengantuk, membuka fikiran dari beku dan memberikan fokus dari khayalan.²⁰

²⁰ *Uslub dakwah temporari : persediaan alaf baru Oleh : Haji Hazarudin bin Haji Baharudin*

C: KESAN ICT DALAM DAKWAH

POSITIF

Kehadiran teknologi multimedia adalah anugerah istimewa kepada dunia dakwah. Tugas berdakwah menjadi mudah, cepat dan berkesan dengan adanya teknologi multi media. Seluruh dunia telah menjadi seolah-olah sebuah kampung elektronik dengan adanya teknologi ini. Keupayaan menghantar, menerima dan memproses maklumat telah dapat diperluas. Penerimaan ilmu tidak lagi melalui perantaraan antara pendakwah dan sasarannya sahaja, malah dilakukan dengan menggunakan komputer dan bilik-bilik seminar bukan lagi disempadani batu-bata dan kayu, sebaliknya alam maya.

Selain itu, urusan dakwah juga dapat dijalankan dengan efektif dan efisien dengan adanya kemudahan multimedia ini. Dunia hari ini heboh tentang 'e-niaga' atau 'e-commerce' dan dunia perniagaan, begitu juga dengan konsep dakwah yang juga dikenali dengan e-dakwah. Melalui e-dakwah setiap badan-badan kerajaan mahupun NGO akan menjalankan dakwah melalui laman-laman web yang disediakan meliputi pelbagai aspek termasuklah ruangan-ruangan tazkirah, pandangan dan soal jawab agama.

Di samping itu, kemajuan multimedia juga meningkatkan kualiti dakwah yang disampaikan. Perkembangan multimedia secara langsung atau tidak membantu meningkatkan kefahaman manusia dalam soal-soal agama. Semua kerja dapat dijalankan dengan cepat dan efektif. Umpamanya, dengan adanya emel, sesuatu maklumat dapat dihantar dengan cepat melewati batas sempadan negara, masa dan ruang.

Dari segi sosialnya pula, pembangunan dakwah menerusi multimedia dapat mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat Islam Malaysia, sama ada yang berada di dalam negara atau yang berada di luar negara. Mereka boleh saling memberi dan menerima pandangan, nasihat menasihati dan saling tegur menegur antara satu dengan yang lain.

NEGATIF

PENGARUH BUDAYA ASING

ICT mempunyai pengaruh dan banyak bahan asing dari luar negara yang dimuatkan dalam media tempatan. Daripada pengaruh ini terdapat unsur-unsur negatif yang menular masuk dalam budaya tempatan. Perkara ini akan menjadikan sesuatu dakwah yang hendak disampaikan tidak tepat dan mungkin akan dieksploitasi oleh fahaman-fahaman yang menyimpang dari ajaran Islam sebenar.

MENJEJASKAN KESIHATAN

Tidak dapat dinafikan bahawa kegunaan ICT dapat menjejaskan kesihatan. Hal ini kerana terdapat ICT yang mengeluarkan radiasi elektromagnetik yang dikaitkan dengan penyakit barah dan keguguran kandungan.

KESAHIHAN MAKLUMAT.

Berpandukan kepada dalil Naqli iaitu ayat al-Quran Allah berfirman yang bermaksud :
“Sekiranya datang kepadamu orang yang fasik(jahat) membawa berita maka hendaklah kamu berwaspada (berhati-hati) akan kebenarannya”.²¹

Maklumat yang tepat dan benar kesahihannya adalah penting bagi menjamin tidak berlaku penyelewengan dan kepalsuan fakta. Terutama sekali dalam soal ilmu keagamaan yang perlu dipastikan kebenarannya. Pihak yang tidak bertanggungjawab sentiasa mencari jalan bagi menyeleweng dan melakukan dusta bagi tujuan menyesatkan orang lain.

Hal ini memberi cabaran terhadap proses tradisonal dalam mendapatkan maklumat yang sahih. Misalnya dengan hanya merujuk kepada bahan dari internet seperti al-Quran

²¹ Al-Hujurat :6

kemungkinan berlaku kesalahan fakta seperti ayat dari versi Israeliyat. Oleh itu seseorang perlu merujuk kepada sumber asal bagi mengesahkan maklumat dan mengelakkan kekeliruan.

Kesan yang nyata dari amalan ini ialah ramai pencari maklumat mudah mempercayai bahan yang diperolehi dari internet. Rujukan maklumat semata-mata kepada internet tanpa pengesahan akan menimbulkan masalah tentang kebenaran fakta sesuatu maklumat.

PELAYARAN WEB NEGATIF. 22

Minat dan kesukaan melawati laman-laman web yang tidak bermoral dan tidak berfaedah memberi kesan negatif dalam perkembangan minda dan fizikal manusia. Ketagihan terhadap laman web negatif mencetuskan kerosakan maruah, nilai keperibadian, dorongan terhadap jenayah seksualiti, masalah perundangan, perhubungan interpersonal dan pembaziran wang serta masa.²³

Kewujudan laman web lucuh yang mudah diakses oleh sesiapa sahaja termasuk anak-anak sekolah, remaja dan golongan dewasa memberi kesan negatif terhadap perubahan nilai dan gaya hidup mereka. Larangan agama terhadap perlakuan yang boleh menghampiri zina tidak mampu menyekat remaja dan golongan dewasa daripada menghindari perbuatan tercela. Sebagaimana firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

“Jangan kamu hampiri perbuatan Zina kerana ia adalah amalan yang sangat keji”.²⁴

Ketagihan internet ini tertumpu kepada cybersex addiction dan compulsive gambling. Material berkaitan sex begitu mudah dan tersiar di internet dengan pelbagai dimensi dan ilustrasi pornografi dan chatroom yang membicarakan unsur-unsur seksual Kewujudan

22 *Isu, Cabaran Dan Impak Ict – Satu Pendekatan Dalam Islam*

Mohamed Imran Mohamed Ariff, Mohd Yadman Sarwan, Mohamad Zaki Zainul

23 Khairul Azhar Idris, *Teknologi Maklumat dan kesejahteraan Individu*, <http://www.esakinah.com/Journal/artikel1.htm>

24 *Al Isra' : 17*

berbagai bentuk laman web negatif telah mencabar nilai dan gaya hidup insaniah sebagaimana yang diajar oleh Islam. Pendidikan Islam jelas mencegah umat dari terlibat dalam kegiatan tidak bermoral. Pendidikan akhlak menurut Islam ialah pembentukan jiwa dan peribadi muslim yang mampu menjaga dan menjauhi amalan-amalan buruk termasuk melayari laman web lucah.

Impak kepada gejala ini maka merebaklah bermacam penyakit sosial akibat ketagihan seks seperti perzinaan, pelacuran, penularan HIV/AIDS, Homoseksual dan Lesbian, penyakit kelamin, curang dalam hubungan dan melakukan seks sebelum kahwin di kalangan remaja. Menurut laporan akhbar dan kajian oleh penyelidik Universiti Malaya pada tahun 2005 ramai remaja sudah melakukan hubungan seks dalam menjalin perhubungan mereka. Malahan ada yang merakamkan untuk simpanan peribadi dan disebar untuk umum melalui internet dan telefon peribadi menggunakan teknologi 3G.

Berdasarkan kajian Kementerian Kesihatan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Universiti Malaya dan sebuah syarikat swasta²⁵ pada tahun 2004 mendapati 13 peratus remaja berusia 15 hingga 21 tahun pernah mengadakan hubungan seks sebelum. Kajian itu mendapati 76 peratus daripada respondenya remaja lelaki manakala 61 peratus membabitkan remaja perempuan.

Dalam kajian lain Kementerian Kesihatan terhadap remaja bersekolah berumur 13 hingga 18 tahun mendapati 1.8 peratus daripadanya mengaku pernah terbabit dalam aktiviti seks. Walaupun isu seks bebas remaja membabitkan kedua-dua jantina lelaki dan perempuan, permasalahan lebih besar sering melingkungi kaum hawa.

JENAYAH INTERNET²⁶

Pencerobohan dan penggoda laman web (Internet hacker), jenayah kerana melepaskan komputer virus di Internet, penipuan kredit kad secara online, penyebaran maklumat dan

²⁵ Harian Metro "Gejala Seks di kalangan remaja" 9 Ogos 2005

²⁶ 26 Isu, Cabaran Dan Impak Ict Satu Pendekatan Dalam Islam

Mohamed Imran Mohamed Ariff, Mohd Yadman Sarwan, Mohamad Zaki Zainul

bahan yang salah melalui emel, penghasutan dan penyebaran fitnah menjadikan ICT terpesong dari matlamat asalnya. Hal ini mencabar konsep dan falsafah hidup insan yang sukakan keamanan, kedamaian dan keharmonian mereka tidak dicerobohi. Kesan daripada gejala yang dinyatakan, membawa kerugian dan menjejaskan kesejahteraan mental dan emosi. Malahan ia mampu menggugat kestabilan ekonomi, kesihatan, maruah dan perhubungan manusia.

PENYEBARAN FITNAH DAN GOSSIP

Kemudahan melalui ICT sering disalahgunakan untuk kepentingan peribadi. Gejala utama yang selalu dikaitkan dengan teknologi ICT ialah penyebaran fitnah dan gossip oleh satu pihak bagi tujuan memburukkan, memalukan atau menjatuhkan pihak lain. Fitnah disebar menggunakan laman web internet, sms, mms dan media lain terutama di musim pilihanraya.

Hal ini mencabar etika dan tatasusila hidup bermasyarakat dan bernegara. Menurut ajaran Islam, penyebaran fitnah adalah satu jenayah yang sangat besar. Fitnah memberi kesan terhadap maruah dan kedudukan seseorang individu serta keluarganya. Firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud "Fitnah itu lebih merbahaya dari membunuh".²⁷

PERMASALAHAN REMAJA

Minat remaja terhadap ICT terutama teknologi internet dan alat komunikasi mendorong mereka menghabiskan masa di *cybercafé*, *internet café* dan telefon tangan. Program seperti chatting, permainan video, sms, mms, 3G dan berbagai aktiviti melaluinya membawa kesan dan cabaran tersendiri. Kegilaan anak remaja ini memberi cabaran kepada ibubapa mereka. Ramai pelajar yang ponteng sekolah, menyalahgunakan wang saku, meminjam wang teman bahkan ada yang sanggup menipu dan mencuri. Setiap ibubapa adalah pemimpin kepada anak-anak mereka.

²⁷ Al Baqarah : 191

Menurut ajaran Islam setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap pengikut mereka. Kawalan dan penjagaan yang berterusan perlu bagi menjamin anak-anak tidak terlibat dalam kancah gejala sosial. Hal ini mencabar pengurusan sekolah, pihak berkuasa dan orang ramai terhadap masalah pelajar yang mengunjungi pusat internet di waktu persekolahan dan selepas persekolahan. Kesannya ialah pembaziran masa kerana terlalu lama di cyber café, tidak ada kawalan keluarga dan berkembangbiaknya masalah serta gejala sosial di kalangan remaja. Hal ini menyebabkan kerajaan terpaksa bertindak mengawal aktiviti kunjungan remaja ke pusat-pusat internet.

AKTIVITI PERJUDIAN

Pihak berkuasa tempatan, polis dan agensi yang terlibat mendapati berlakunya penyalahgunaan pusat internet sebagai pusat judi. Permainan video yang berorientasikan judi mendapat perhatian di kalangan orang dewasa dan anak-anak remaja.

Kegiatan perjudian mencabar nilai hidup Islam yang jelas mengharamkan judi. Firman Allah dalam al-Quran bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman ! Sesungguhnya arak, judi, menenun nasib dan menyembah berhala adalah kotor dari amalan syaitan . Oleh itu hendaklah kamu jauhi mudahan kamu berjaya".²⁸

PERUBAHAN GAYA HIDUP DAN PENCEMARAN BAHASA

Perpatah Melayu ada menyebut:

"Yang Kurek Itu Kendi, Yang Merah Itu Saga"

"Yang Elok Itu Budi, Yang Indah Itu Bahasa"

²⁸ Al Maidah : 90

Pengaruh ICT yang menular dalam kehidupan moden hari ini jelas telah berjaya merubah paradigma sosiobudaya dan bahasa komunikasi. Penjajahan budaya hidup Barat dalam aspek pakaian, makanan, minuman, tingkahlaku, hiburan telah menukar jati diri manusia.

Pakaian tradisonal setiap kaum dan bangsa hanya menjadi pakaian rasmi acara atau perayaan. Ia tidak lagi menjadi pakaian harian yang dibanggakan. Makanan seperti kueh tradisional bertukar dengan makanan import dengan pelbagai jenama terkenal di dunia.

Seperkara yang menarik dalam isu ICT ialah berlakunya tanpa disedari iaitu kerosakan bahasa. Bahasa sms dan chatting memerlukan tulisan yang ringkas dan mudah. Kesannya terbawa sehingga banyak pihak menerima pakai dalam komunikasi harian mereka terutama di kalangan anak remaja. Misalnya perkataan Assalamualaikum sudah diringkaskan dengan berbagai cara seperti Asm., Akum, Aslam dan Salam mulai tersebar penggunaannya. Perkataan ini jelas tidak tepat dari susunan ejaan, kata-kata dan maknanya sendiri. Ianya jelas merosakkan penggunaan istilah, perkataan dan bahasa itu sendiri.²⁹

MENERAPKAN AMALAN KEBENDAAN

ICT digunakan sepenuhnya untuk menyokong kegiatan perdagangan, maka timbul pula keinginan pada pihak orang ramai untuk berbelanja bagi mendapatkan dan memiliki barangan yang mungkin begitu diperlukan.

D. KEPERLUAN NILAI DAN ETIKA DALAM DAKWAH ICT³⁰

Kehadiran ICT merupakan media yang dapat di hindari. Ini kerana ia telah menjadi suatu peradaban baru dalam dunia informasi dan komunikasi di peringkat global. Dengan adanya ICT, maka banyak informasi yang dapat diterokai oleh masyarakat di seluruh

29 Isu, Cabaran Dan Impak Ict – Satu Pendekatan Dalam Islam Mohamed Imran Mohamed Ariff, Mohd Yadman Sarwan, Mohamad Zaki Zainul Universiti Teknologi Mara Perak, Kampus Seri Iskandar Seminar Kebangsaan E-Komuniti 2005 .UKM 6-7 Disember 2005. Putrajaya.

30 30 Isu, Cabaran Dan Impak Ict – Satu Pendekatan Dalam Islam Mohamed Imran Mohamed Ariff, Mohd Yadman Sarwan, Mohamad Zaki Zainul

dunia, tidak mengira samada, untuk kepentingan pribadi, pendidikan, bisnes, dan lain-lain. Munculnya jaringan ICT dianggap sebagai sebuah revolusi dalam dunia komunikasi dan informasi.

Ketika pertama kali ianya diperkenalkan oleh para ilmuan barat, hampir dari kebanyakan tokoh Islam memandangnya dengan rasa curiga, takut ia akan memberikan kesan yang negatif dalam dunia masyarakat muslim yang mungkin boleh menimbulkan krisis kebudayaan, keruntuhan moral, hilang hormat terhadap norma-norma agama dan penyelewengan ilmu yang menjadi faktor kecurigaan mereka. Oleh yang demikian, ia memerlukan standard etika yang syumul bagi menangani sebarang kemungkinan yang timbul dari ledakan ICT.

Satu standard etika yang syumul dan menyeluruh yang amat diperlukan pada zaman ini bertujuan untuk mengawal dan menjadikan manusia lebih beradab. Lebih-lebih lagi dalam menjalankan dakwah. Nilai dan etika merupakan senjata yang tajam dalam menjalankan dakwah, ia juga disebut sebagai hikmah dalam menjalankan dakwah. Dengan satu harapan suci lagi murni dalam melahirkan umat Malaysia khususnya dan dunia amnya yang akan disegani kerana keluhuran budi dan akalunya.³¹

a. Nilai Murni

Nilai murni ialah nilai yang baik yang dapat membina keharmonian, kekuatan dan pembangunan individu serta masyarakat . Nilai ini perlu dikembangkan bagi membendung pelbagai krisis yang dihadapi oleh masyarakat.³²

Antaranya termasuklah nilai kejujuran, kesetiaan, keadilan dan sebagainya. Dalam dunia ICT ini, di mana Internet menjadi senjata utama manusia, maka amat perlu dipastikan mereka yang terlibat di dalam dalamnya sentiasa terpandu dengan nilai ini. Apatah lagi apabila menjadikan ICT sebagai medan dakwah. Sebagai contoh seorang pengguna Internet wajar tahu setakat mana hak penggunaannya. Pembuat laman web mesti sedar

31 S.Salahudin Suyurno & Mohd Yadman Sarwan (2003) "Kolokium Pemantapan Ilmu Islam 2003" anjuran PPI dan ILQAB. Pada 05 Jun 2003

32 Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Perubahan Paradigma Nilai: Ke Arah Transformasi Sosial dan Pembentukan Malaysia Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Ms.13

apakah dakwah dan berita yang disebarkan itu akan menambah nilai kepada masyarakat atau sebaliknya. Pengamalan kepada nilai murni ini pastinya akan menjadikan para Pendakwah jujur dan ikhlas dalam menjalankan dakwah sebenar.

b. Nilai Moral

Ia merupakan nilai asas dan fundamental di dalam pembinaan individu dan masyarakat. Mempertahankan kebaikan dan menolak keburukan serta tindakan yang memperjuangkan kebenaran perlu dipertingkatkan di dalam masyarakat dewasa ini. Semua manusia mesti sedar moral individu yang baik maka akan lahir satu masyarakat yang cemerlang. Walaupun dakwah melalui ICT tidak menzahirkan fizikal pendakwah, namun kaedah penyampaian dakwah yang digunakan akan mencerminkan moral pendakwah itu sendiri.

c. Nilai Etika

Masyarakat yang beretika ialah masyarakat yang mempertahankan tanggungjawab moral dan sosial, membentuk individu sebagai anggota masyarakat yang komited terhadap peraturan dan luanas-luanas yang berhemah. Islam sebagai contoh telah menyediakan asas etika dan akhlak yang luhur untuk diamalkan oleh semua peringkat manusia di zaman siber ini. Asas sifat seperti Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fataonah wajar dipraktikkan dalam seluruh generasi ICT. Perkara inilah yang sepatutnya sentiasa ada pada diri Pendakwah yang berjaya.

Sikap Siddiq yang bermaksud “benar” amat besar peranannya dalam hidup manusia. Permasalahan kerakusan manusia yang menyalahgunakan ICT akan dapat diatasi jika manusia seluruhnya sentiasa memastikan setiap tindakan mereka sentiasa benar. Hal ini hanya dapat dipastikan jika manusia itu punyai iman dan pekerti yang luhur.

Amanah sebagai standard umum perbuatan manusia akan melahirkan generasi yang “success” dalam segenap lapangan. Penyebaran dakwah dengan menyampaikan maklumat yang betul merupakan amanah bagi sentiasa memastikan bahan yang disebar adalah tepat dan akan dipertanggungjawabkan di kemudian hari. Didikan terhadap perbuatan amanah ini mestilah dilakukan sejak manusia itu diperingkat “rebung”.

Sifat Tabligh pula akan memastikan amalan menyuruh manusia berbuat kebaikan dan melarang manusia berbuat kejahatan akan berterusan. Ini merupakan asas isi dakwah yang denda disampaikan. Setiap individu yang terlibat secara langsung ataupun tidak secara langsung dalam dunia Internet dan maklumat sewajarnya faham akan maksud “tabligh” iaitu dengan menyampaikan dakwah yang benar dan tidak menyesatkan manusia.

Manakala sifat atau standard Fatonah juga sewajarnya disebarluaskan dikalangan umat ICT. Fatonah yang bermaksud bijaksana akan mendorong manusia sentiasa berhati-hati dalam menyebarkan sesuatu dakwah di dalam Internet. Jika sifat ini berjaya ditanam dalam jiwa manusia seluruhnya maka standard etika yang cemerlang akan berjaya diaplikasikan dalam masyarakat dunia. Sebab “the character of the Muslim community is not determined by the rituals alone”. Muslim mesti tahu bagaimana memperbetulkan segala serangan dan dakwah yang dilontar terhadap mereka.

d. Nilai Kerohanian

Nilai kerohanian tidak dapat dinafikan akan kepentingannya. Ia menjadi benteng ulung bagi membina kekuatan, ketahanan dan peribadi seseorang. Jiwa yang kuat akan melahirkan individu yang cemerlang.

Sebagai sebuah masyarakat malaysia yang unggul maka sewajarnya kita biasakan diri dengan nilai kerohanian yang mulia. Malaysia akan dipandang mulia jika masyarakatnya berhati budi dalam segenap perkara, samada dari aspek hubungan individu hinggalah ke aspek ICTnya.

e. Nilai Budaya

Nilai budaya ialah nilai-nilai yang mencorakkan kehidupan sesuatu masyarakat atau bangsa. Budaya masyarakat melayu islam terkenal dengan identiti tersendiri yang dipengaruhi kuat oleh adat, kepercayaan, tradisi, kemasyarakatan, bahasa, baik hati, dan lain-lain lagi. Nilai budaya yang baik. Jika dilihat Malaysia sebagai sebuah negara yang

mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara maka sewajarnya nilai-nilai baik ini disebarluaskan diseluruh pelusok negara. Oleh yang demikian dakwah yang hendak disampaikan juga mestilah tidak boleh lari jauh dari norma-norma yang berkait dengan nilai budaya masyarakat Melayu Islam di Malaysia agar ia dapat diterima dengan baik.

Kepenggunaan Internet harus diterima dengan hati yang terbuka, tetapi ia harus di pandu dengan etika dan akhlak mulia agar menjadi budaya masyarakat Malaysia, melayari Internet untuk mencari maklumat adalah satu kebiasaan dan maklumat yang diakses hanyalah maklumat yang dapat memantapkan minda dan hati nurani. Penyemaian nilai hormat wajar diberi keutamaan. Meletakkan nilai hormat yang tepat dan bersesuaian dengan kehendak ajaran mulia agama dalam institusi ICT dewasa ini adalah satu kemestian.

f. Nilai Jujur

Kejujuran adalah asas dalam perlakuan manusia. Bagi seseorang muslim setiap amal mereka dinilai berdasarkan kepada eikhlasan dan kejujuran. Nabi Muhammad menjelaskan dalam hadis baginda yang bermaksud “ Setiap amal bermula dengan Niat”. Satu perkara yang dapat kita laksanakan ialah memaparkan pada papan skrin mengenai etika melayari laman web. Ia dapat membantu mendidik seseorang daripada melakukan sesuatu yang salah dan membina kejujuran diri.

E. RUMUSAN

PENGUNAAN ICT MAKSIMA

Seseorang Pendakwah haruslah kreatif dalam penganakan mekanisme dakwah. Kemudahan ICT sepatutnya digunakan secara maksima dalam rangka dakwah yang sesuai dengan ajaran Islam.

Mereka juga mestilah mempunyai kepakaran dan ilmu yang cukup dalam mengeksploitasi ICT.

Suatu mekanisma penyelarasan yang berwibawa dan berkesan mestilah dibentuk bagi memastikan kegiatan dakwah menerusi multimedia dapat dilaksanakan dengan teratur dan rapi serta menepati pada sasarannya. Suatu gabungan dan jalinan yang kuat antara pakar-pakar Muslim dalam pelbagai bidang dan antara institusi dan organisasi Islam yang berwibawa sangat diperlukan.

Aspek iman hendaklah menjadi fokus utama dalam menyampaikan dakwah dan menjadi asas terpenting dalam membina umat Islam yang kuat dan mampu mengatasi segala cabaran yang dihadapi baik pada masa ini mahupun pada masa akan datang, samada cabaran dari multimedia sendiri atau lain-lain cabaran yang terdapat dalam masyarakat.

Seorang Pemikir Islam asal Syria Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buthi menyatakan: " Ternyata ledakan ICT dan jaringan internet yang hampir menelan seluruh penjuru dunia adalah merupakan padang yang luas yang di situ muncul mimbar-mimbar yang menyuarakan kepentingan islam, dengan memperkenalkan, mengajak (dakwah), membela dan menyelesaikan berbagai permasalahannya."

Oleh itu, dakwah melalui ICT dapat dinilai sebagai mekanisma yang efektif dan berpotensi dengan beberapa alasan, diantaranya mampu melangkaui batasan ruang dan waktu serta berpengaruh pula dalam menyampaikan misi dakwah. Dakwah secara etimologi bermakna "seruan dan ajakan". Ini bertepatan dengan terminologi artinya iaitu "menggunkan akal fikiran dalam rangka menyelamatkan manusia dari rasa jauh dan lupa terhadap Allah SWT agar menjadi dekat dan ingat, dengan berbagai cara, kaedah dan method."³³

Pada hakikatnya cara, kaedah dan method untuk berdakwah itu sangat banyak dan luas, atau bahkan mungkin tidak akan ada batasnya. Sebab semua yang mampu dilaksanakan oleh manusia selagi tidak bertentangan dengan syariat Islam maka hal itu boleh dijadikan sebagai cara, kaedah dan method untuk berdakwah.

³³<http://www.islamic-center.or.id>

Bahan-bahan Rujukan

Al Quran

Al Sunnah

<http://id.wikipedia.org/wiki/Dakwah>

Ensiklopedia Islam Indonesia(1992:207)

Kamus Dewan (t.th:244-245)

Menyeru manusia kepada agama Allah: Abdul Karim Zaidan, 1976:5)

(Abu al-Mun'im, Muhammad hasanayn 1984:18)

(Eensiklopeedia of modern Islamic 1995)

Ensiklopedia Islam. 1994. Cet. 3. J.1. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve. Hlm: 280.

Ensiklopedia Malaysiana. 1996. J.4. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd. Hlm: 24

Idris Ahmad. 2005. Teks Usrah Peringkat Pengenalan. Cet. 3. Kuala Lumpur:

Percetakan Saufi. Hlm: 30

Abu 'Urwah. 1999. Konsep-konsep Umum Islam Kuala Lumpur: Pustaka Salam. Hlm: 124.

Muhammad al-Ghazali. 1981. Ma'a Allah. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Hlm: 17.

<http://mtcp.mmu.edu.my/mtcpcollect/WPDDW/vivi/ICT%20SYLLABUS/ictsyll.htm>

Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas.

www.in4ict.com

Berdakwah dalam era multimedia: Seminar Islam dan Multimedia Oleh : Datuk Hj.

Mohamad Shahir bin Hj. Abdullah

Uslub dakwah temporari : persediaan alaf baru Oleh : Haji Hazarudin bin Haji Baharudin

Khairul Azhar Idris, Teknologi Maklumat dan kesejahteraan Individu,

<http://www.esakinah.com/Journal/artikel1.htm>

Harian Metro "Gejala Seks di kalangan remaja" 9 Ogos 2005

Isu, Cabaran Dan Impak Ict – Satu Pendekatan Dalam Islam Mohamed Imran Mohamed Ariff, Mohd Yadman Sarwan, Mohamad Zaki Zainul Universiti Teknologi Mara Perak, Kampus Seri Iskandar Seminar Kebangsaan E-Komuniti 2005 .UKM 6-7 Disember 2005. Putrajaya.

S.Salahudin Suyurno & Mohd Yadman Sarwan (2003) "Kolokium Pemantapan Ilmu Islam 2003" anjuran PPI dan ILQAB. Pada 05 Jun 2003

Abd Rahim Abd Rashid (2001). Perubahan Paradigma Nilai: Ke Arah Transformasi Sosial dan Pembentukan Malaysia Baru. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Ms.13

Isu, Cabaran Dan Impak Ict – Satu Pendekatan Dalam Islam Mohamed Imran Mohamed Ariff, Mohd Yadman Sarwan, Mohamad Zaki Zainul

2010 Online Databases Training

No.	Online Database	Vendor	Expected Date	Time	Venue	Confirm?
1	British Standard Online (BSOL)	PAA	18-Feb-10	10.30 am - 12.30 am	Perpustakaan B5	On going
2	IEEE Xplore	UnitedTech	10-Mar-10	10.30 am - 12.30 am	Perpustakaan B5	☒
3	ACM Digital Library & IOP	Access Dunia	30-Mar-10	10.30 am - 12.30 am	Perpustakaan B5	☒
4	MS ONLINE	SIRIM	15-Apr-10	10.30 am - 12.30 am	Perpustakaan B5	☒
5	Inspec and MathScience	E-Digital Sol.	13-May-10	10.30 am - 12.30 am	Perpustakaan B5	☒

** Any changing schedule will be informed through phone or email immediately.*